



Menyaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menandatangani Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserieh Zainuddin menandatangani MoU dengan Presiden Jochaffenburg University of Applied Sciences (UAS), Prof Dr Eva-Maria Beck-Muth.



Tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid bersama dengan pelajar UMPSA yang mengikuti program MYCHAT ketika berkunjung ke Beijing International Group of China.

UMPSA universiti kejuruteraan, teknologi diiktiraf antarabangsa

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah raih kecemerlangan peringkat global

Pelancir Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang berteraskan kejuruteraan dan teknologi kini mencapai usia 22 tahun dan terus diiktiraf di persela antarabangsa.

Seiring keperluan industri negara masa kini, UMPSA telah meluaskan tumpuan penyelidikan dalam bidang baharu seperti robotik serta teknologi yang berunsurkan kecerdasan buatan (AI) sebagai keutamaannya.

UMPSA akan terus memperkayakan penyediaan dalam pembangunan kejuruteraan dan teknologi tinggi serta memperkayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tersejajut atau dikenali sebagai Advanced TVET.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserieh Zainuddin, berkata UMPSA sentiasa berusaha melahirkan graduan berkualiti yang bertaraf global dan kompeten dengan ciri-ciri kelestarian supaya menjadi wacana bertanggungjawab.

"Graduan ini akan menjadi modal insan berkualiti, berkemahiran tinggi, amanah dan berintegriti. Pada masa sama, universiti akan terus mengekalkan momentum dalam aspek kualiti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penyelidikan berimpak tinggi.

"Bagi mencapai hasrat itu, uni-

versiti akan terus menggerak langkah meningkatkan kolaborasi strategik dengan pelbagai rakan industri serta universiti lain, di dalam mahupun luar negara," katanya.

100 peratus Program Ijazah Dual

UMPSA juga merupakan universiti awam pertama di Malaysia yang berkolaborasi dengan rakan kerjasama universiti luar negara melibatkan Jerman, China dan Kazakhstan bagi Program Kerjasama Akauntan Ijazah Dual.

"Sehingga kini, 10 program diluluskan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi penawaran Program Ijazah Dual antara UMPSA dengan Rakan Kerjasama Universiti Luar Negara.

UMPSA komited menyediakan bakat tempatan yang mahir dalam bidang teknologi dan menjadi semakin penting bagi negara memanfaatkan peluang ekonomi baharu.

Program ijazah dual ini dijangka membuka lebih peluang kerjasama kerjasama penyelidikan dan perkongsian kepakaran dalam bidang kejuruteraan serta teknologi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Jalanan kerjasama program UMPSA dengan institusi Jerman pada tahun ini menjangka 14 tahun menerusi Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) dan terbaharu, Mannheim University of Applied Sciences.

Komitmen UMPSA memperkayakan aspek pengantarabangsaan universiti, meluas ke negara China menerusi kerjasama dengan Beijing Jiaotong University (BJTU) dalam program kejuruteraan awam, kejuruteraan elektronik serta Tianjin University berkaitan program kejuruteraan kimia.

Generasi Dididik Pendidikan Penyelidikan 21

Sementara, inisiatif bersama pihak universiti dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah program perintis yang diiktiraf Engineering Accreditation Council, Board of Engineers Malaysia dengan kaedah pelaksanaan harian dalam penawaran program dual ijazah kerjasama dengan universiti luar negara.

Hubung kerjasama pihak UMPSA dan Majlis Amanah Rakyat (MARA), lembaga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga berpeluang mengikuti Program Pembangunan Bakat Muda (YTP) bagi menyumbang pengajian, bermula pada peringkat persediaan hingga ke ijazah pertama di IPT terpilih di luar negara.

Begitu juga kerjasama dengan Yayasan Sabah dan Yayasan Terengganu yang memberi penajaan pelajar mengikuti pengajian ijazah dual ini.

Selain ini, pertumbuhan sektor pembuatan dan industri di Malaysia kini juga mendorong peralihan kerjasama UMPSA dengan Kazakh National Agrarian Research University di Kazakhstan yang menitikberatkan bidang bioteknologi industri.

Kerjasama ini membantu memperluas lebih banyak tenaga pakar dan berkecemerlang dalam pelbagai bidang bioteknologi masa kini. Kolaborasi antara bangsa UMPSA turut bakal diperluaskan ke Korea dan Jepun.

UMPSA memfokuskan kualiti graduan dilahirkan bagi membolehkan mereka bekerja di industri yang berkinerja dengan baik dan mereka termasuk bekerja di luar negara.

Menarik minat program TVET

Menyentuh saluran, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, agar Bangsa-

UMPSA memperluaskan peratusan pelajar mengikuti program berasaskan TVET. UMPSA kini menyebarkan luas program akademik berasaskan TVET ke negeri Sabah dan Sarawak.

Ini salah satu usaha memberi kemudahan dan meluaskan akses pendidikan kepada anak-anak di negeri Selangor dan Sarawak bagi mengikuti program berasaskan TVET melalui pelbagai kaedah termasuk penubuhan kampus pesiar di bawah Program TVET Borneo.

Mobiliti Antarabangsa TVET Terkini

Pelajar UMPSA juga berpeluang meningkatkan pembelajaran dalam mobiliti antarabangsa mengikuti kursus jangka pendek dalam bidang TVET hasil kerjasama UMPSA dengan pihak Perusahaan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (PRPN) atau Belin Mahir dan BELIFANG Automotive Education Group (BAEG) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Ini bagi menjalani latihan 'up-skill' dengan memperluas program mobiliti dengan penjurian TVET dari institusi latihan atau industri di China menghasilkan tenaga kerja profesional mahir tersedia industri terhadap pembangunan kerjasama dan kebolehpasaran graduan (GE) di Malaysia.

Kolaborasi yang mendapat sokongan pihak KPT ini menyatukan kerjasama PKPB (BELA MAHIB) dan TANG International Education (China) di bawah usaha Malaysia-China Institute (MCI) terhadap pelaksanaan Program Malaysia-China Advanced TVET Mobility Program (MYCHAT) di China bertukar Kerjasama Binaan (Artificial Intelligence) yang dilaksanakan di Beijing Polytechnic dan di Beijing International Group dalam

UMPSA Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

- UMPSA beransur di kedudukan 146 terbaik dunia dalam pentaraf Times Higher Education Young University Rankings 2024 (THE Young) yang menyenaraikan universiti terbaik di dunia yang berusia bawah 50 tahun dan pertama dalam MTUN.
- UMPSA menerima pengiktirafan kebolehpasaran dalam bidang 'Automob' dengan 6 bintang - Employers' Choice of University oleh Talentbank.

Kelebihan Program Ijazah Dual UMPSA

- Anugerah dua institusi pendidikan (UMPSA dan rakan kerjasama luar negara).
- Pendidikan holistik berorientasikan praktikal.
- Pengiktirafan Badan Akademik Malaysia & Antarabangsa.
- Peluang kerjasama di syarikat multinasional dalam dan luar negara.
- Tenaga akademik yang memiliki pengalaman industri.
- Pembelajaran pengajaran & pembelajaran serta latihan industri di luar negara.

bidang Automotif (Hibrid dan EV)

Usaha ini dilatih turut menyokong usaha kerajaan dalam mengahantar bakat muda negara menerusi kemahiran berteknologi tinggi di samping itu, mampu membawa masuk pelajar antarabangsa ke Malaysia melalui inisiatif Pelancongan Pendidikan (Edu-Tourism) yang diluluskan universiti.